

PANDUAN TUGASAN KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH SEJARAH TINGKATAN 3



KANDUNGAN

	Halaman
PENGENALAN	1
OBJEKTIF	1
PELAKSANAAN TUGASAN	2
PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB	2
Pengetua dan Penolong Kanan Pentadbiran	2
Guru Kanan Mata Pelajaran Kemanusiaan	4
Ketua Panitia	4
Guru	5
Murid	7
FORMAT PENULISAN	7
PANDUAN PENTAKSIRAN TUGASAN	8
PENUTUP	11
Lampiran 1 - Contoh Surat Pelantikan Ketua Pentaksir/ Pen. Ketua pentaksir	12
Lampiran 2 - Penjaminan Kualiti atau Moderasi	13
Lampiran 3 - Jadual Kerja Pelaksanaan Tugas	14
Lampiran 4 - Contoh Surat Makluman kepada Ibu Bapa/ Penjaga	17
Lampiran 5 - Contoh Surat Kebenaran Melawat/ Mendapatkan bahan	18
Lampiran 6 - Rubrik Umum Berdasarkan Dimensi	19
Lampiran 7 - Borang Pentaksiran Individu/ Muka Hadapan Tugas	25
Lampiran 8 - Borang Skor Keseluruhan Tugas	26
Lampiran 9 - Templat Pelaporan PBD	28
Lampiran 10 - Contoh Surat Pengenalan Diri	29
Lampiran 11 - Arahan Kepada Guru	30
Lampiran 12 - Arahan Kepada Murid	31
Lampiran 13 - Contoh Penulisan Sumber Rujukan	32
Lampiran 14 - Proses Kerja Pelaksanaan Tugas	33
Lampiran 15 - Jawatankuasa Pelaksana di bawah Jawatankuasa Kurikulum	34
Lampiran 16 - Proses Pentaksiran Tugas	35

PENGENALAN

Tugasan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Sejarah Tingkatan 3 (TST3) merupakan salah satu komponen Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) yang wajib dilaksanakan oleh murid Tingkatan 3. TST3 ini memerlukan murid menjalankan penyelidikan sejarah melalui pengaplikasian Kajian Kes yang merupakan strategi pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam kurikulum Sejarah. Tahap Penguasaan (TP) Keseluruhan murid hendaklah direkodkan dalam Templat Pelaporan PBD dan Skor Keseluruhan murid dihantar kepada Lembaga Peperiksaan (LP) yang mewakili 20% wajaran daripada markah keseluruhan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) Sejarah.

OBJEKTIF

Tugasan KSSM Sejarah Tingkatan 3 membolehkan murid:

- a) Mendapat pengalaman bermanfaat semasa menjalankan penyelidikan sejarah.
- b) Membudayakan pembelajaran berasaskan inkuiri semasa menjalankan penyelidikan sejarah dalam melahirkan murid yang berdaya fikir lestari selaras dengan prinsip Kelestarian Global.
- c) Mengaplikasikan Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS) dalam kalangan murid melalui penyelidikan sejarah.
- d) Mengaplikasikan dan meningkatkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) melalui penyelidikan sejarah berasaskan fakta sejarah yang tepat.
- e) Membina kemahiran insaniah agar menjadi warganegara yang seimbang.
- f) Menyedari kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan warisan sejarah negara kita dalam usaha melahirkan warganegara yang menghargai dan mensyukuri warisan sejarah negara.
- g) Membina semangat patriotisme dalam kalangan murid bagi membentuk keterikatan emosi kepada negara.
- h) Menghasilkan laporan bertulis dan dipersembahkan dalam pelbagai bentuk secara kreatif dan inovatif dengan berintegriti.

PELAKSANAAN TUGASAN

TST3 ditaksir secara individu. Namun begitu, murid boleh menjalankan penyelidikan secara individu atau berkumpulan tetapi laporan TST3 dan pembentangan mesti dibuat secara individu. TST3 ini dilaksanakan bermula dari bulan Mei hingga Jun. Murid dikehendaki membina pernyataan masalah daripada tema atau tajuk yang ditentukan oleh pihak sekolah berpandukan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) KSSM Sejarah, iaitu:

- a) Tingkatan 1 – Sejarah Kita dan Dunia
- b) Tingkatan 2 – Warisan Negara
- c) Tingkatan 3 – Kedatangan Kuasa Asing

PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

Untuk memastikan TST3 dapat dilaksanakan dengan sempurna semua pihak terutamanya Pengetua, Penolong Kanan Pentadbiran, Guru Kanan Mata Pelajaran Kemanusiaan, Ketua Panitia Sejarah, guru mata pelajaran Sejarah dan murid-murid tingkatan 3 yang merupakan calon PT3 tahun semasa perlu memainkan peranan dan tanggungjawab masing-masing. Antara peranan dan tanggungjawab yang perlu dijalankan ialah:

Pengetua dan Penolong Kanan Pentadbiran

- a) Menerima surat makluman pelaksanaan TST3.
- b) Melantik Guru Kanan Mata Pelajaran (GKMP) sebagai Ketua Pentaksir TST3 dan Ketua Panitia sebagai Penolong Ketua Pentaksir TST3 peringkat sekolah (rujuk contoh surat lantikan pada **lampiran 1**) untuk menjalankan penjaminan kualiti atau moderasi (rujuk **lampiran 2** atau rujuk Panduan Pelaksanaan PBD Bab 4: Pertimbangan Profesional dibawah subtopik 4.3: Moderasi pada halaman 33-34 atau klik pautan <http://bpk.moe.gov.my/index.php/terbitan-bpk/buku-panduan-pelaksanaan-kssr-kssm?download=2576:panduan-pelaksanaan-pentaksiran-bilik-darjah-2018> untuk muat turun Panduan Pelaksanaan PBD).
- c) Memastikan Ketua Panitia Sejarah mengadakan mesyuarat panitia untuk menetapkan tarikh pelaksanaan, membina jadual kerja pelaksanaan (rujuk contoh jadual kerja pelaksanaan tugas pada **lampiran 3**), menetapkan tema

- atau tajuk TST3 peringkat sekolah dan mengadakan taklimat ringkas pelaksanaan TST3 berpanduan buku panduan TST3 yang disediakan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK).
- d) Penolong Kanan Pentadbiran dan GKMP mesti hadir bersama semasa mesyuarat panitia yang dinyatakan di atas.
 - e) Memastikan semua murid Tingkatan 3 mendapat taklimat TST3 daripada guru mata pelajaran Sejarah dan menerima surat maklumat pelaksanaan TST3 (rujuk ***lampiran 4***).
 - f) Memastikan tema atau tajuk yang dipilih di peringkat sekolah telah diajar oleh guru dalam PdP.
 - g) Memastikan proses menghasilkan laporan TST3 dilaksanakan seperti yang dijadualkan.
 - h) Memastikan prosedur operasi standard keselamatan murid dipatuhi oleh guru sekiranya melibatkan pergerakan keluar dari kawasan sekolah (rujuk contoh surat pada ***lampiran 5***).
 - i) Memastikan murid menghantar laporan TST3 kepada guru mata pelajaran Sejarah pada tarikh yang ditetapkan.
 - j) Memastikan guru mata pelajaran Sejarah mentaksir proses kerja, menyemak dan menilai laporan serta pembentangan TST3. Proses pentaksiran TST3 adalah secara berterusan (sebelum, semasa dan selepas) berpanduan Rubrik Umum yang disediakan (rujuk ***lampiran 6***).
 - k) Memastikan guru mata pelajaran Sejarah merekod TP dan Skor murid dalam Borang Pentaksiran Individu (rujuk ***lampiran 7***) yang juga digunakan sebagai muka hadapan tugas.
 - l) Memastikan guru mata pelajaran Sejarah merekod TP Keseluruhan dan Skor Keseluruhan dalam Borang Pentaksiran Keseluruhan Tugas (rujuk ***lampiran 8***) dan Templat Pelaporan PBD (rujuk ***lampiran 9***) mengikut masa yang ditetapkan.
 - m) Memastikan penjaminan kualiti atau moderasi dijalankan di peringkat sekolah dibawah seliaan GKMP dan dibantu oleh Ketua Panitia mengikut prosedur.
 - n) Menandatangani Borang Pentaksiran Keseluruhan Tugas selepas penjaminan kualiti atau moderasi dibuat.
 - o) Memastikan Setiausaha Peperiksaan memasukkan Skor Keseluruhan murid ke Aplikasi PT3 yang disediakan oleh LP mengikut tarikh yang ditetapkan.

Guru Kanan Mata Pelajaran Kemanusiaan

- a) Menerima surat perlantikan (rujuk ***lampiran 1***) sebagai Ketua Pentaksir TST3 peringkat sekolah untuk menjalankan penjaminan kualiti atau moderasi (rujuk ***lampiran 2***).
- b) Memastikan Ketua Panitia Sejarah mengadakan mesyuarat panitia untuk menetapkan tarikh pelaksanaan, membina jadual kerja pelaksanaan TST3 (rujuk ***lampiran 3***), menetapkan tema atau tajuk dan mengadakan taklimat ringkas pelaksanaan TST3 berpandukan buku panduan TST3 yang disediakan oleh BPK serta bersama-sama menghadiri mesyuarat tersebut.
- c) Melaksanakan penjaminan kualiti atau moderasi seperti yang dijadualkan dengan memastikan pelaksanaan TST3 mengikut prosedur yang ditetapkan. Semakan semula tugas perlu dibuat jika terdapat perbezaan markah yang ketara semasa penjaminan kualiti atau moderasi (rujuk ***lampiran 16***).
- d) Berbincang dan membimbing Ketua Panitia serta guru mata pelajaran Sejarah untuk melaksanakan moderasi terhadap TP Keseluruhan dan Skor Keseluruhan seperti yang diperincikan dalam buku panduan PBD.
- e) Menandatangani Borang Skor Pentaksiran Individu (rujuk ***lampiran 7***) dan Borang Pentaksiran Keseluruhan Tugas (rujuk ***lampiran 8***) yang telah dilengkapkan oleh guru mata pelajaran Sejarah setelah selesai melalui penjaminan kualiti atau moderasi.
- f) Menyerahkan Borang Pentaksiran Keseluruhan Tugas yang telah lengkap melalui penjaminan kualiti atau moderasi kepada Pengetua untuk disahkan.
- g) Menyerahkan kembali sesalinan Borang Pentaksiran Keseluruhan Tugas yang telah disahkan oleh Pengetua kepada guru mata pelajaran Sejarah dan sesalinan kepada Setiausaha Peperiksaan untuk tindakan seterusnya.

Ketua Panitia

- a) Menerima surat perlantikan sebagai Penolong Ketua Pentaksir TST3 peringkat sekolah (rujuk ***lampiran 1***) untuk membantu GKMP menjalankan penjaminan kualiti atau moderasi (rujuk ***lampiran 2***).
- b) Mengadakan mesyuarat panitia untuk menetapkan tarikh pelaksanaan, merangka jadual kerja pelaksanaan (rujuk ***lampiran 3***), menetapkan tema atau tajuk peringkat sekolah dan mengadakan taklimat ringkas pelaksanaan TST3 berpandukan buku panduan TST3 yang disediakan oleh BPK.

- c) Memastikan taklimat tentang TST3 dan surat makluman pelaksanaan TST3 (rujuk ***lampiran 4***) diberikan kepada semua murid Tingkatan 3 tahun semasa oleh guru mata pelajaran Sejarah.
- d) Memastikan pelaksanaan TST3 mengikut jadual dan proses kerja pelaksanaan (rujuk ***lampiran 14***) yang ditetapkan.
- e) Memastikan proses menghasilkan laporan TST3 dilaksanakan seperti yang dijadualkan.
- f) Memastikan prosedur operasi standard keselamatan murid dipatuhi oleh guru sekiranya melibatkan pergerakan keluar dari kawasan sekolah (rujuk contoh surat pada ***lampiran 5***).
- g) Memastikan murid menghantar laporan TST3 pada tarikh yang ditetapkan.
- h) Memastikan guru mata pelajaran Sejarah mentaksir proses kerja, menyemak dan menilai laporan serta pembentangan TST3 berpandukan Rubrik Umum (rujuk ***lampiran 6***).
- i) Memastikan guru mata pelajaran Sejarah merekod TP dan Skor murid dalam Borang Pentaksiran Individu (rujuk ***lampiran 7***) yang juga digunakan sebagai muka hadapan tugas.
- j) Memastikan guru mata pelajaran Sejarah merekod TP Keseluruhan dan Skor Keseluruhan murid dalam Borang Pentaksiran Keseluruhan Tugas (rujuk ***lampiran 8***) dan Templat Pelaporan PBD (rujuk ***lampiran 9***).

Guru

- a) Menghadiri mesyuarat panitia untuk menetapkan tarikh pelaksanaan, merangka jadual kerja pelaksanaan (rujuk ***lampiran 3***), menetapkan tema atau tajuk dan mendapat taklimat ringkas pelaksanaan TST3 berpandukan buku panduan TST3 yang disampaikan oleh Ketua Panitia Sejarah.
- b) Memberikan taklimat tentang TST3 dan surat makluman pelaksanaan TST3 (rujuk ***lampiran 4***) kepada semua murid tingkatan 3 yang merupakan calon PT3 tahun semasa.
- c) Mengenal pasti pernyataan masalah yang dipilih oleh murid menepati tema atau tajuk kajian yang ditetapkan di peringkat sekolah.
- d) Membimbing murid untuk menentukan skop kajian dan membina soalan yang dapat mencungkil maklumat tentang tajuk yang dikaji.

- e) Membantu murid dalam membuat perancangan dan menyusun atur proses kerja berdasarkan senarai semak yang disediakan.
- f) Berperanan sebagai pemudah cara dalam melaksanakan kajian.
- g) Menyediakan surat pengenalan diri (rujuk ***lampiran 10***) untuk dibawa oleh murid semasa menjalankan kajian.
- h) Membuat tindakan susulan bagi memantau hasil kerja murid.
- i) Memastikan murid menyiapkan laporan mengikut masa yang ditetapkan.
- j) Mentaksir proses kerja, menyemak dan menilai laporan serta pembentangan TST3 berpandukan Rubrik Umum (rujuk ***lampiran 6***) secara berterusan.
- k) Memberi peluang setiap murid untuk menambah baik hasil tugas serta pembentangan selama tempoh pelaksanaan TST3 belum tamat supaya murid dibimbing untuk menguasai TP Keseluruhan terbaik bersesuaian dengan tahap serta kebolehan murid.
- l) Merekod TP dan Skor murid dalam Borang Pentaksiran Individu (rujuk ***lampiran 7***) yang juga digunakan sebagai muka hadapan tugas.
- m) Merekod TP Keseluruhan dan Skor Keseluruhan murid dalam Borang Pentaksiran Keseluruhan Tugas (rujuk ***lampiran 8***) mengikut kelas yang diajar oleh guru.
- n) Menyerahkan salinan Borang Pentaksiran Keseluruhan Tugas yang telah lengkap kepada Ketua Pentaksir TST3 untuk penjaminan kualiti atau moderasi dan untuk tindakan seterusnya.
- o) Menerima bimbingan daripada GKMP untuk melaksanakan moderasi berpandukan buku panduan PBD yang disediakan oleh BPK semasa penjaminan kualiti dibuat.
- p) Menerima salinan Borang Pentaksiran Keseluruhan Tugas yang telah melalui penjaminan kualiti atau moderasi dan telah disahkan oleh Pengetua seterusnya merekod TP Keseluruhan murid dalam Templat Pelaporan PBD (rujuk ***lampiran 9***).
- q) Menyimpan salinan Borang Pentaksiran Keseluruhan Tugas.
- r) Membaca dan memahami Arahan kepada Guru (rujuk ***lampiran 11***) dan melaksanakannya.

Murid

- a) Mendapat taklimat tentang TST3 daripada guru mata pelajaran dan membina rangka kerja tugas dengan bimbingan guru semasa taklimat.
- b) Menerima sesalinan Arahan kepada Murid (rujuk ***lampiran 12***), membaca, memahami dan melaksanakan TST3 seperti yang diarahkan.
- c) Membina pernyataan masalah berdasarkan tema atau tajuk yang telah ditetapkan di peringkat sekolah untuk TST3 tahun semasa.
- d) Mencari sumber rujukan berkaitan pernyataan masalah. Jumlah sumber rujukan sekurang-kurangnya 3 sumber rujukan.
- e) Membina objektif kajian merangkumi pengetahuan, kemahiran dan nilai.
- f) Mengenal pasti kaedah yang sesuai dengan kajian.
- g) Mengumpul dan menganalisis data daripada sumber yang berkaitan.
- h) Menyenarai bahan-bahan yang telah dirujuk.
- i) Menganalisis data dan membuat perbandingan daripada pelbagai bahan dan sumber untuk menjawab pernyataan yang dikaji.
- j) Menulis laporan kajian mengikut format yang ditetapkan.
- k) Membentangkan laporan kajian secara individu.

FORMAT PENULISAN

Berikut merupakan format penulisan laporan TST3 yang perlu dipatuhi oleh murid semasa menulis laporan lengkap tugas dalam kelas menggunakan 6 waktu PdP Sejarah dalam tempoh pelaksanaan TST3 iaitu :

- a) Laporan TST3 hendaklah ditulis tangan atas kertas saiz A4.
- b) Murid hendaklah menyediakan laporan TST3 sebanyak satu (1) hingga lima (5) halaman bertulis termasuk jadual, graf, rajah, gambar, rujukan dan lampiran.
- c) Penulisan sumber rujukan hendaklah mengikut format yang betul (rujuk ***lampiran 13***).
- d) Penerangan grafik muka hadapan TST3 adalah seperti berikut:
 - i. Muka hadapan Tugas TST3 mengikut contoh yang disediakan (rujuk ***lampiran 7***).
 - ii. Perlu dikokot dan tidak perlu *ring binding*.
 - iii. Tidak perlu memasukkan senarai kandungan dalam laporan TST3.

PANDUAN PENTAKSIRAN TUGASAN

TST3 ditaksir secara individu. Guru mata pelajaran Sejarah (Pentaksir 1) perlu menilai proses kerja murid melaksanakan tugas dan menyemak laporan serta pembentangan TST3 secara berterusan berdasarkan Rubrik Umum yang disediakan (rujuk ***lampiran 6***), dimana guru perlu:

- a) Menentukan TP bagi setiap Dimensi (rujuk jadual 1 pada halaman 10) semasa menilai proses kerja dan mentaksir laporan serta pembentangan TST3 murid berpandukan Rubrik Umum yang diberi.
- b) Merekodkan TP bagi setiap Dimensi dalam Borang Pentaksiran Individu (rujuk ***lampiran 7***) yang juga digunakan sebagai muka hadapan tugas.
- c) Menentukan skor yang sepadan dengan TP yang telah ditentukan bagi setiap Dimensi (rujuk jadual 1 pada halaman 10) dan direkodkan dalam Borang Pentaksiran Individu.
- d) Bagi menentukan TP Keseluruhan, guru perlu menjumlahkan semua skor dari 6 Dimensi yang telah ditaksir untuk mendapatkan Skor Keseluruhan murid.
- e) Seterusnya guru perlu mencari TP Keseluruhan murid yang setara dengan jumlah Skor Keseluruhan yang ditunjukkan dalam jadual 2 pada halaman 11.
- f) TP Keseluruhan dan Skor Keseluruhan murid direkodkan dalam Borang Pentaksiran Keseluruhan Tugas (rujuk ***lampiran 8***) mengikut kelas yang diajar oleh guru.
- g) Menyerahkan salinan Borang Pentaksiran Keseluruhan Tugas yang telah lengkap kepada GKMP (Ketua Pentaksir) untuk penjaminan kualiti atau moderasi dan untuk tindakan selanjutnya.
- h) Mendapat bimbingan daripada GKMP untuk melaksanakan moderasi berpandukan buku panduan PBD yang disediakan oleh BPK semasa penjaminan kualiti.
- i) Memberi peluang setiap murid untuk menambah baik hasil tugas serta pembentangan selama tempoh pelaksanaan TST3 belum tamat supaya murid dibimbing untuk menguasai TP Keseluruhan terbaik bersesuaian dengan tahap serta kebolehan murid.

Ringkasan tentang proses kerja pelaksanaan TST3 ditunjukkan ***lampiran 14*** dan cadangan Jawatankuasa pelaksana TST3 di bawah Jawatankuasa Kurikulum Sekolah ditunjukkan dalam ***lampiran 15*** serta ringkasan Proses Pentaksiran TST3 pula ditunjukkan seperti ***lampiran 16*** untuk membantu meningkatkan pemahaman semua pihak yang terlibat dalam pelaksanaan TST3 semasa menjalankan peranan dan tanggungjawab masing-masing.

Jadual 1: Tahap Penguasaan dan Skor Mengikut Dimensi.

DIMENSI	TAHAP PENGUASAAN	SKOR
Mengumpul Maklumat	1	1 - 3
	2	4 - 6
	3	7 - 9
	4	10 - 12
	5	13 - 15
	6	16 - 18
Merancang	1	1 - 3
	2	4 - 6
	3	7 - 9
	4	10 - 12
	5	13 - 15
	6	16 - 18
Aplikasi	1	1 - 6
	2	7 - 12
	3	13 - 18
	4	19 - 24
	5	25 - 30
	6	31 - 36
Membuat Refleksi	1	1
	2	2
	3	3
	4	4
	5	5
	6	6
Berkomunikasi	1	1 - 2
	2	3 - 4
	3	5 - 6
	4	7 - 8
	5	9 - 10
	6	11 - 12
Etika dan Kerohanian	1	1
	2	2
	3	3 - 4
	4	5 - 6
	5	7 - 8
	6	9 - 10

Jadual 2: Tahap Penguasaan Keseluruhan dan Skor Keseluruhan Tugas KSSM Sejarah Tingkatan 3.

Skor Keseluruhan	TP Keseluruhan	Tafsiran TP Keseluruhan
0-16	1	Murid menyediakan perancangan, mengumpul sumber, mengaplikasi, berkomunikasi, membuat refleksi dan mengamalkan etika kerohanian secara terhad serta laporan tugas yang tidak lengkap berdasarkan pengetahuan berasaskan ilmu sejarah dan nilai yang dipelajari.
17-32	2	Murid menyediakan perancangan, mengumpul sumber, mengaplikasi, berkomunikasi, membuat refleksi dan mengamalkan etika kerohanian yang kurang berkesan serta laporan tugas yang kurang lengkap berdasarkan pemahaman berasaskan ilmu sejarah dan nilai yang dipelajari.
33-49	3	Murid menyediakan perancangan, mengumpul sumber, mengaplikasi, berkomunikasi, membuat refleksi dan mengamalkan etika kerohanian yang betul serta laporan tugas lengkap tetapi tidak tersusun berdasarkan pengaplikasian ilmu sejarah dan nilai yang dipelajari.
50-66	4	Murid menyediakan perancangan, mengumpul sumber, mengaplikasi, berkomunikasi, membuat refleksi dan mengamalkan etika kerohanian yang betul dan berkesan serta laporan tugas lengkap dan tersusun berdasarkan penganalisan ilmu sejarah dan nilai yang dipelajari.
67-83	5	Murid menyediakan perancangan, mengumpul sumber, mengaplikasi, berkomunikasi, membuat refleksi dan mengamalkan etika kerohanian yang betul, berkesan dan beradab serta laporan tugas yang lengkap, tepat, tersusun dan realistik berdasarkan penilaian ilmu sejarah dan nilai yang dipelajari.
84-100	6	Murid menyediakan perancangan, mengumpul sumber, mengaplikasi, berkomunikasi, membuat refleksi, mengamalkan etika kerohanian yang betul, berkesan, beradab dan boleh dicontohi serta laporan tugas yang lengkap, tepat, tersusun, realistik, menunjukkan keaslian dan boleh dicontohi dengan menjana idea berdasarkan ilmu sejarah dan nilai yang dipelajari.

PENUTUP

Pelaksanaan TST3 membolehkan murid mengaplikasi pengetahuan, kemahiran dan nilai yang dipelajari dalam konteks kehidupan sebenar. Selain pengukuhan pengetahuan dan kemahiran yang telah dipelajari di dalam bilik darjah, penerapan nilai juga berlaku dalam kalangan murid semasa melaksanakan TST3. Pentaksiran TST3 juga membolehkan usaha penambahbaikan dilaksanakan secara berterusan ke arah meningkatkan penguasaan pembelajaran murid dalam usaha melahirkan murid yang arif dan peka sejarah seperti yang dihasratkan dalam kurikulum Sejarah.

Lampiran 1

Contoh Surat Pelantikan Ketua Pentaksir/ Pen. Ketua Pentaksir

Nama Sekolah

Alamat Sekolah

Tarikh:

Tuan/ Puan,

**PELANTIKAN SEBAGAI KETUA PENTAKSIR/ PEN. KETUA PENTAKSIR
TUGASAN SEJARAH TINGKATAN 3**

Perkara di atas dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa En/ Pn dilantik sebagai Ketua Pentaksir/ Pen. Ketua Pentaksir bagi Tugas Sejarah Tingkatan 3 peringkat sekolah bagi tahun

3. Sehubungan itu, pihak pengurusan sekolah berbesar hati jika pihak tuan/ puan dapat memberi khidmat bakti profesional kepada sekolah untuk memastikan Pelaksanaan dan Pentaksiran Tugas Sejarah Tingkatan 3 mengikut prosedur yang telah ditetapkan (rujuk Panduan Tugas KSSM Sejarah Tingkatan 3).

4. Kerjasama dan perhatian tuan/ puan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

.....

(Nama Pengetua dan Cop Sekolah)

Penjaminan Kualiti Atau Moderasi

4.3 Moderasi

Moderasi adalah proses penetapan aspek atau kriteria dalam pentaksiran. Dalam proses moderasi, guru berkongsi pengalaman, pengetahuan, pemahaman kurikulum (Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi), strategi pengajaran serta pentaksiran bagi melaksanakan pertimbangan profesional. Proses ini melibatkan membuat keputusan yang konsisten di dalam mentaksir tahap penguasaan murid. Moderasi dilaksanakan oleh guru mata pelajaran yang sama atau dalam Panitia yang sama. Moderasi penting bagi mengurangkan jurang pertimbangan profesional antara seorang guru dengan guru yang lain. Moderasi juga adalah untuk memastikan kesahan dan kesaksamaan dalam pertimbangan profesional dan pentaksiran yang dilakukan.

Tujuan moderasi:

- Memastikan pertimbangan yang dibuat adil, konsisten, sah dan boleh dipercayai
- Meningkatkan komunikasi profesional dalam kalangan guru
- Mewujudkan pembelajaran profesional dalam kalangan guru
- Meningkatkan pengajaran dan pembelajaran

Moderasi melibatkan perbincangan, penyelarasan dan persetujuan sesama rakan sejawat dalam panitia atau mata pelajaran yang sama. Perkara yang dimoderasikan termasuklah aspek:

- penentuan kaedah pentaksiran
- pemilihan instrumen pentaksiran
- kriteria pertimbangan profesional
- penentuan tahap penguasaan.

Ini dilakukan dengan mengambil kira keperluan dan ketetapan dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) mata pelajaran tersebut.

Terdapat beberapa model atau kaedah dalam moderasi. Guru boleh menggunakan mana-mana kaedah, atau boleh menggabungkan beberapa kaedah berikut:

- **Kalibrasi**

Beberapa sampel hasil kerja murid ditaksir secara sendirian oleh guru. Guru kemudian berbincang (moderasi) tentang pertimbangan yang telah dilakukan. Tujuan kalibrasi ialah untuk mendapatkan persetujuan dan pemahaman yang sama terhadap standard atau pertimbangan yang telah dilakukan.

- **Persidangan**

Hasil kerja murid ditaksir secara sendirian oleh guru. Beberapa sampel hasil kerja murid yang mewakili pelbagai tahap penguasaan dipilih secara kolaboratif dan dibincangkan (dilakukan moderasi). Tujuan kaedah ini ialah untuk mendapatkan persetujuan dan pemahaman yang sama dalam pemberian tahap penguasaan tersebut.

- **Merujuk Pakar**

Guru melakukan pentaksiran kepada murid masing-masing. Seterusnya hasil pentaksiran tersebut diserahkan kepada pakar untuk mendapatkan maklum balas sama ada guru telah menterjemah dan menggunakan standard seperti yang dihasratkan.

(Klenowski & Adie 2009; Hipkins & Robertson 2011)

*dari halaman 33-34 Buku Panduan Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah

Lampiran 3

Jadual 3: Cadangan Jadual Kerja Pelaksanaan Tugas

Tarikh	Pelaksanaan	Catatan
02 Mei	Taklimat TST3 Peringkat Sekolah Guru memberi taklimat TST3 kepada semua calon.	
06-10 Mei	Merangka Pelaksanaan Kajian Kes Guru membimbing murid: a) Membina pernyataan masalah b) Membina objektif kajian c) Mengenal pasti kaedah kajian yang sesuai d) Mengenal pasti bentuk laporan kajian e) Menentukan tempoh kajian dijalankan dan proses kerja pelaksanaan kajian kes.	* Rujuk DSKP KSSM Sejarah Tingkatan 3
06-10 Mei	Langkah 1: Membina Pernyataan Masalah Guru membimbing calon: a) Memberi pemahaman tentang skop pernyataan masalah yang dibina. b) Membina persoalan kecil : i. Guru atau calon juga boleh membina persoalan untuk memahami pernyataan masalah. Membentuk beberapa persoalan untuk memberi pemahaman tentang pernyataan masalah yang diberi agar calon lebih berfokus. ii. Memudahkan calon mengenal pasti sumber dan mencari maklumat. iii. Memberi panduan kepada calon untuk menjalankan kajian.	* Rujuk DSKP KSSM Sejarah Tingkatan 3
06-10 Mei	Langkah 2: Kajian Literatur Guru membimbing calon : Mengenal pasti bahan rujukan dan kajian lepas berdasarkan buku ilmiah, jurnal, majalah yang berkaitan kajian terdahulu.	

Tarikh	Pelaksanaan	Catatan
06-10 Mei	<p>Langkah 3: Menentukan Objektif Kajian</p> <p>Guru membimbing calon (membina sekurang-kurangnya 3 objektif) :</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Menerangkan kepentingan objektif kajian kepada calon. b) Membina objektif yang jelas agar mudah dicapai. c) Membina objektif yang merangkumi pengetahuan, KPS dan elemen Kewarganegaraan dan Nilai Sivik. d) Membina objektif kajian perlu disesuaikan dengan aras calon. 	
06-10 Mei	<p>Langkah 4: Menentukan Kaedah Kajian</p> <p>Guru perlu membimbing calon untuk menggunakan kaedah kajian yang bersesuaian :</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Menentukan pelbagai kaedah kajian: <ul style="list-style-type: none"> i. Kaedah bertulis ii. Kaedah lisan iii. Pemerhatian b) Menjelaskan tatacara memperolehi bahan kajian atau mengumpulkan maklumat melalui sumber. 	
06-10 Mei	<p>Langkah 5: Mengenal pasti Sumber Rujukan</p> <p>Guru membimbing calon:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Menentukan sumber rujukan yang sesuai digunakan. Contoh sumber rujukan : <ul style="list-style-type: none"> i. Orang sumber ii. Dokumen/ jurnal iii. Laman sesawang iv. Majalah v. Agensi berkaitan b) Memilih sumber yang sesuai untuk memastikan data yang diperolehi sah dan benar. 	Sekurang-kurangnya tiga (3) sumber rujukan

Tarikh	Pelaksanaan	Catatan
	c) Memastikan calon bertanggungjawab dengan sumber yang diperoleh sebagai bukti.	
06-10 Mei	<p>Langkah 6: Analisis Data</p> <p>Guru membimbing calon:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Membanding beza dapatan yang diperoleh. b) Memastikan data yang diperoleh dapat mencapai objektif kajian dan menjawab pernyataan masalah. 	
13-24 Mei & 10-14 Jun	<p>Langkah 7: Laporan Kajian</p> <p>Guru membimbing calon:</p> <p>Menyediakan laporan kajian:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) 1 hingga 5 halaman. b) Merangkumi : <ul style="list-style-type: none"> i. Pernyataan masalah ii. Objektif iii. Kaedah kajian iv. Dapatan kajian v. Kesimpulan dan Cadangan vi. Rujukan vii. Lampiran 	
17-28 Jun	<p>Langkah 8: Pembentangan</p> <p>Guru membimbing calon menyediakan pembentangan dalam bentuk :</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Pembentangan <i>Powerpoint</i> b) Kertas sebak c) Video/ Animasi d) Komik e) Pengucapan awam f) dan lain-lain bentuk laporan yang difikirkan sesuai 	

*Lampiran 4***Contoh Surat Makluman Kepada Ibu Bapa/ Penjaga**

Nama Sekolah
Alamat Sekolah

Tarikh:

Kepada,
Ibu Bapa/ Penjaga

Tuan/ Puan

MAKLUMAN MENJALANKAN TUGASAN SEJARAH TINGKATAN 3 (TST3)

Perkara di atas dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa semua murid Tingkatan 3 sekolah ini akan terlibat dalam pelaksanaan TST3. Tugasan ini adalah sebahagian daripada pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Sejarah bagi memenuhi syarat yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

3. Hasil TST3 akan dinilai oleh guru dan akan dijalankan pada bulan Mei hingga bulan Jun.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

.....
(Nama Pengetua dan Cop Sekolah)

*Lampiran 5***Contoh Surat Kebenaran untuk Melawat/ Menemuramah dan Mendapatkan Bahan Sumber**

Nama Sekolah

Alamat Sekolah

Tarikh:

Tuan/ Puan,

TUGASAN SEJARAH TINGKATAN 3 (TST3)

Perkara di atas dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa murid-murid sekolah ini sedang menjalankan TST3.

